

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh minta  
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan :-**

- (a) apakah Kementerian maklum bahawa bekalan air di kawasan Kalabakan dan Tawau akan menghadapi masalah bekalan air yang kronik kerana tiada empangan yang boleh menampung air yang mencukupi; dan
- (b) jika maklum apakah pelan tindakan Kementerian untuk mengatasi kekurangan air ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bekalan air bagi negeri Sabah adalah terletak sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Penglibatan Kementerian saya adalah untuk memudah cara pengeluaran pinjaman bekalan air yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun begitu, Kementerian sedia maklum mengenai masalah bekalan air yang dihadapi di kawasan Kalabakan dan Tawau yang disampaikan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.
2. Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kalabakan, suka saya maklumkan bahawa Projek Pembinaan Empangan Air Tawau di Cinta Mata telah pun diluluskan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Tawau. Namun begitu, projek ini belum dapat dimulakan kerana Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses memuktamadkan skop projek yang melibatkan komponen tebatan banjir.

Tuan Yang Dipertua,

3. Pelaksanaan Projek Empangan Air Tawau ini amat penting bagi memenuhi keperluan bekalan air di kawasan Kalabakan dan Tawau. Pembinaan empangan dengan kapasiti 30,000 juta liter serta pemasangan paip air mentah ke Loji Rawatan Air Cinta Mata dan Loji Rawatan Air Utara akan dapat menyediakan sumber bekalan air mentah yang berkualiti dan mencukupi untuk menampung keperluan air di kawasan Tawau dan Kalabakan sehingga tahun 2020. Sehubungan itu, Kementerian telah meminta supaya Kerajaan Negeri Sabah memuktamadkan segera skop projek ini agar dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*